



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28 JULY 2016

# PM suntik semangat atlet Olimpik negara

**PUTRAJAYA 27 Julai** - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini memberi suntikan semangat kepada Kontinjen Malaysia ke Sukan Olimpik 2016 di Rio de Janeiro, Brazil agar dapat memenangi pingat emas pertama Sukan Olimpik untuk negara.

Dalam majlis di Bangunan Perdana Putra di sini, Perdana Menteri menitipkan kata-kata semangat kepada atlet untuk melakukan yang terbaik demi mencapai harapan dan impian seluruh rakyat Malaysia itu.

"Seluruh rakyat Malaysia menyokong anda dan mendoakan kejayaan anda, semoga kita dapat meraih pingat emas pertama serta pingat-pingat yang lain," katanya, berucap dalam majlis berkenaan.

Seramai 11 daripada 32 atlet yang layak ke Olimpik hadir dalam pertemuan itu termasuk pemain badminton negara, Datuk Lee Chong Wei dan Goh Liu Ying serta atlet lain dalam acara badminton, olahraga dan golf.

Hadir sama, Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin

dan Chef de Mission kontinjen Malaysia, Tan Sri Ir. Mohamed Al-Amin Abdul Majid.

Menurut Najib, beliau yakin para atlet telah melakukan persiapan terbaik dengan pendediaan menerusi kejohanan-kejohanan dalam dan luar negara.

Katanya lagi, kejayaan pasti dicapai jika para atlet mencapai prestasi terbaik merangkumi aspek fizikal, mental dan keyakinan pada hari kejohanan.

"Dalam Sukan Olimpik 2012 di London, Chong Wei menang perak dan Pandelega Rinong meraih pingat gangsa, jadi kali ini kita harap Chong Wei menang emas kerana kita tahu dia telah berjaya menewaskan para pesaingnya dalam kejohanan-kejohanan sebelum ini," katanya.

Ujar Najib, ganjaran besar nanti atlet yang meraih emas Sukan Olimpik iaitu hadiah RM1 juta serta pencen bulanan RM5,000 seumur hidup manakala pemenang pingat perak, pencen seumur hidup RM3,000 sebulan dan pingat gangsa pencen seumur hidup RM2,000 sebulan.

um - 28/7/2016